



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Tr. P.U. 4/2003

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM
(TERENGGANU) (PINDAAN) 2002**

Tarikh siaran dalam Warta: 8hb Mei 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 133, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil berikut:

Nama

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Terengganu) (Pindaan) 2002.**

Pindaan Jadual Pertama

2. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Terengganu) 1984 [*Tr. P.U. 17/1986*] dipinda dalam Jadual Pertama dengan menggantikan perkataan “sama dengan sepuluh kali ganda” dalam butiran 17 perkataan “tidak boleh kurang dari daripada lima kali ganda tetapi tidak melebihi dua puluh kali ganda”.